



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PELIBATAN IBU BAPA





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PELIBATAN IBU BAPA



INISIATIF #62: PELUASAN PELAKSANAAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI DALAM EKOSISTEM SEKOLAH SUATU INISIATIF UTAMA PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Peneraju Utama:

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Putrajaya,
MALAYSIA
www.moe.gov.my/bpsh
Tel: 603-8884 9370
Fax: 603-88849315



UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN (PADU)

Aras 3, Blok E9, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Putrajaya,
MALAYSIA
Tel: 603-8888 1001
Fax: 603-8888 1068



YAYASAN SARANA PENDIDIKAN MALAYSIA (YSPM)

Suite 16-2, 16th Floor, Tower A,
Menara Atlas,
No 5, Jalan 4/83A,
Off Jalan Pantai Baru,
59200 Kuala Lumpur
MALAYSIA
Tel: 03-2201 1414
Fax: 03-220182424

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	1 - 3
1	PENGETAHUAN	4 - 7
2	KEMAHIRAN BERFIKIR	8 - 12
3	KEMAHIRAN MEMIMPIN	13 - 15
4	KEMAHIRAN DWIBAHASA	16 - 17
5	ETIKA DAN KEROHANIAN	18 - 19
6	IDENTITI KEBANGSAAN	20 - 24
7	CABARAN IBU BAPA MASA KINI	25 - 32

Pengenalan Pelibatan Ibu Bapa



Ibu bapa dan ahli keluarga ialah orang yang paling penting dalam mempengaruhi kehidupan anak-anak. Pengaruh mereka terserlah melalui pembentukan pemikiran anak-anak tentang pendidikan, masa hadapan dan kelompok sosial.

Oleh hal yang demikian, sokongan ibu bapa terhadap sekolah dan pelibatan mereka dalam pembelajaran sangat penting untuk memastikan anak-anak mereka berjaya dalam kehidupan.

Pelibatan ibu bapa dapat diperlihatkan melalui pelbagai cara termasuklah dari segi sumbangan idea dan sokongan terhadap pendidikan. Walau bagaimanapun, pelibatan ibu bapa bukanlah bermakna mereka perlu terlibat secara langsung dalam sesi pembelajaran anak-anak. Mereka boleh menyumbang bantuan dari aspek sokongan dan kepakaran bagi keberkesanan proses pembelajaran di dalam dan di luar kelas.

Sokongan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak mereka secara aktif:



Mewujudkan waktu pembelajaran yang khusus serta menyediakan ruang yang kondusif untuk sesi pembelajaran di samping memastikan tiada sebarang gangguan.



Memahami tuntutan akademik terkini dan keperluan pembelajaran di samping mengetahui potensi anak-anak dan keperluan kemahiran mereka.



Mewujudkan komunikasi yang berkesan dengan anak-anak kerana kata-kata semangat serta dorongan positif daripada ibu bapa sangat penting untuk membina keyakinan mereka.



Membudayakan kesedaran dalam kalangan anak-anak agar lebih bertanggungjawab terutamanya dalam melaksanakan tugas sekolah dan membantu ibu bapa di rumah.



Memupuk dan menyemai sifat kerendahan hati, kesantunan dan rasa hormat terhadap ibu bapa, orang dewasa, rakan sebaya, adik-beradik dan orang di persekitaran.



Berkomunikasi dan sentiasa berbincang dengan anak-anak tentang impian dan cita-cita mereka.

Peranan Ibu Bapa dalam Mendorong Kecemerlangan Pendidikan Anak-anak

1. Sebagai Penjaga

Ibu bapa amat berharap agar anak-anak mereka mampu dididik supaya mereka mempunyai disiplin dan sahsiah diri yang terpuji. Sifat dan sikap yang terpuji memudahkan mereka berinteraksi dengan lebih baik dan dapat menghindari pelibatan gejala yang negatif.

Penjaga yang baik

- Memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak.
- Mendidik anak-anak untuk menghormati orang lain dan menerima kepelbagaian yang ada.
- Sentiasa berkomunikasi secara baik dan berkesan dengan anak-anak.
- Menanam perasaan berusaha gigih dalam diri anak-anak.
- Menjelaskan kesan pelibatan anak-anak dalam gejala negatif.

2. Sebagai Rakan Sebaya

Ibu bapa perlu memanfaatkan masa yang berkualiti dengan anak-anak mereka. Ibu bapa yang meluangkan masa dengan anak-anak dapat merapatkan hubungan sesama mereka serta meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dalam diri anak-anak.

Rakan sebaya yang baik

- Memberi galakan dan dorongan dalam aktiviti yang diminati dan diceburi oleh anak-anak.
- Mengamalkan nilai ketelusan dan kejujuran dalam tutur kata dan tindakan.
- Sentiasa berkongsi dan mengikuti perkembangan diri anak-anak.
- Meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak.

3. Sebagai Suri Teladan

Ibu bapa menunjukkan perlakuan serta tindakan yang boleh dicontohi dan diteladani oleh anak-anak.

Suri Teladan yang baik

- Sentiasa menepati janji.
- Memberikan kefahaman kepada anak-anak tentang pentingnya amalan yang baik dalam kehidupan seharian.
- Menggalakkan aktiviti yang bermanfaat seperti budaya membaca, beriadah, beribadah dan bersederhana dalam kehidupan.
- Sentiasa berusaha memberikan keutamaan kepada keluarga.
- Ibu bapa sendiri mengamalkan apa yang diajar.

4. Sebagai Pembimbing

Ibu bapa sebagai pembimbing kepada anak-anak terutama semasa mereka menghadapi masalah. Anak-anak yang sedang melalui proses pembelajaran mungkin melakukan kesilapan dan ibu bapa sentiasa menggalakkan mereka agar menjadikan kesilapan sebagai faktor untuk terus gigih berusaha.

Pembimbing yang baik

- Menggalakkan anak-anak untuk terus gigih berusaha.
- Memupuk sifat yakin dalam diri anak-anak untuk sentiasa berfikir dan bertanya.
- Melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak.

5. Sebagai Pendengar

Ibu bapa berperanan sebagai pendengar yang baik dan memberi respons kepada pertuturan anak-anak.

Pendengar yang baik

- Menjadi sebagai sumber rujukan dan berkongsi pendapat yang utama kepada anak-anak.
- Sentiasa memberi idea dan kaedah penyelesaian.
- Menjadi pendengar yang peka kepada pertuturan dan perbualan anak-anak.



PENGETAHUAN

PENGETAHUAN


Pendidikan Asas

a) Literasi

Pengamalan literasi di awal pendidikan adalah melalui komunikasi yang melibatkan bahan bacaan antara ibu bapa dengan anak-anak mereka. Antara kaedah terbaik dalam literasi adalah dengan membaca sedikit demi sedikit namun dilakukan dengan lebih kerap dan perlu dilakukan secara berterusan. Di peringkat pendidikan menengah, budaya membaca perlu diterapkan dalam kalangan anak-anak supaya ilmu dan pengetahuan am sentiasa diperolehi dan dimanfaatkan.

Cara ibu bapa membantu literasi anak-anak:

1. Menjadikan pembacaan lebih seronok dengan membaca bahan-bahan bacaan yang menarik minat anak-anak.
2. Memberikan pujian kepada anak-anak yang membuat bacaan secara sendiri tanpa sebarang arahan.
3. Menjadikan bahan bacaan lebih mudah diperolehi di rumah.
4. Mewujudkan waktu membaca dan suasana yang kondusif di rumah.



Sistem pendidikan kita menekankan tentang penguasaan membaca, menulis, mengira dan menaakul sebagai asas dalam proses pembelajaran. Perkembangan pembelajaran dipertingkatkan dengan penguasaan seseorang murid dalam subjek Sains, Matematik, Sejarah, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral serta mempunyai pengetahuan umum mengenai Malaysia, Asia serta seluruh dunia melalui subjek Geografi.

Murid juga digalakkan untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang lain seperti teknik dan vokasional, seni muzik, seni visual dan sukan.

b) Numerasi

Ibu bapa boleh meningkatkan kefahaman numerasi anak-anak:

1. Menarik perhatian mereka tentang cara penggunaan nombor dalam kehidupan seharian.
2. Menggalakkan mereka menggunakan unsur matematik dalam kehidupan seharian seperti pengurusan masa dan pengurusan wang.
3. Menggalakkan mereka mengenali kegunaan nombor, corak dan bentuk objek yang digunakan setiap hari.
4. Membimbing mereka menguruskan kewangan secara seimbang.



c) Akademik

Dengan literasi dan numerasi, anak-anak dapat menerokai dan mempelajari mata pelajaran bahasa, matematik dan sains serta hal dunia di samping persekitarannya. Penguasaan anak-anak dalam setiap mata pelajaran di sekolah adalah penting untuk memastikan mereka berpeluang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Pada peringkat ini, bantuan dan sokongan terhadap anak-anak adalah sangat penting.

Ibu bapa dapat membantu anak-anak:

1. Memastikan mereka dibimbing untuk memahami pelajaran.
2. Menyediakan suasana yang selesa di rumah untuk mereka mengulang kaji dan menyelesaikan tugas sekolah yang diberi
3. Mengelakkan gangguan lain untuk membolehkan anak-anak fokus terhadap tugas.
4. Membincangkan tugas dan kerja sekolah.
5. Mengelakkan tugas sekolah menjadi bebanan sebaliknya membantu mereka mengulang kaji tanpa tekanan.

d) Pembelajaran Sepanjang Hayat

Dalam situasi semasa, anak-anak tidak perlu dibatasi ruang dan peluang mereka untuk mempelajari sesuatu ilmu walaupun ilmu tersebut tidak termasuk dalam kurikulum juga tidak diuji dalam peperiksaan sedia ada. Malah, amat digalakkan agar ibu bapa memberikan anak-anak ruang untuk mereka mempelajari bahasa asing, kemahiran baharu dalam bidang vokasional, dan bidang kesenian atau sukan. Penguasaan ilmu yang pelbagai akan mendorong mereka lebih berdaya saing.




Ibu bapa boleh menerapkan dan menggalakkan anak-anak mencintai ilmu dan meningkatkan kebijaksanaan mereka.

Ibu bapa perlulah:



menunjukkan kecintaan terhadap ilmu. Ibu bapa memberikan contoh dengan menjadikan membaca sebagai amalan harian dan menggunakan ilmu yang diperoleh sebagai cara menyelesaikan masalah.




menggalakkan sikap 'meneroka perkara baharu' dalam kehidupan. Ibu bapa memperlihatkan keinginan mencuba sesuatu yang baharu dan memanfaatkan ilmu tersebut.



membimbing untuk mencari jawapan dengan usaha sendiri dan merujuk daripada sumber yang tepat. Rangsang anak-anak untuk menggunakan Internet atau sumber ilmiah sebagai punca rujukan yang terbaik.



memberikan galakan agar mereka membiasakan diri belajar di perpustakaan, mengunjungi kedai buku dan mencari maklumat melalui Internet untuk aktiviti pembelajaran yang sesuai.




menyuntik kesedaran kepada anak-anak agar tidak menjadikan ganjaran sebagai keutamaan dalam pembelajaran sebaliknya menegaskan kepada mereka bahawa perasaan ingin mengetahui sesuatu ilmu itu jauh lebih penting.



kecintaan terhadap ilmu pengetahuan dalam kalangan anak akan memberikan kesan positif dalam kehidupan mereka sehari-hari. Ibu bapa perlulah sentiasa menjadi pendorong juga sebagai perangsang agar anak-anak mereka berminat untuk belajar dan berjaya.

Sila rujuk kepada pautan berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai topik ini:
<http://www.kidspot.com.au/school/secondary/study-skills/raising-smart-curious-children>



KEMAHIRAN BERFIKIR

KEMAHIRAN BERFIKIR



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Sejak tahun 2013, peperiksaan awam digubal dengan memasukkan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Terdapat peningkatan sebanyak 25% soalan yang mengandungi unsur KBAT dalam peperiksaan UPSR dan SPM. Peratus soalan KBAT dalam peperiksaan awam ini akan meningkat dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, murid didedahkan kepada unsur KBAT dalam proses pembelajaran mereka dan setiap murid diharap dapat menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam perkara berikut:

- memberikan justifikasi berkualiti dan membuat refleksi;
- menyelesaikan masalah;
- membuat keputusan;
- menjadi kreatif; dan
- menjadi inovatif.

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang berusaha melengkapkan pembelajaran berkonsepkan Pendidikan Abad ke-21. Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 merangsang pelibatan murid yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti kokurikulum. Hal sedemikian ini sebagai persediaan awal menyediakan anak-anak agar lebih berketrampilan untuk menyaingi cabaran semasa dalam peringkat pendidikan yang lebih tinggi.

Perbezaan konsep pembelajaran dahulu dan kini:

Konsep terdahulu lebih kepada menghafal fakta. Soalan yang biasa diajukan:

1. Apakah definisi simbiosis?
2. Bilakah kerajaan Kesultanan Kedah berkembang?

Soalan berunsur KBAT:

1. Jelaskan hubungan simbiotik terrarium.
2. Sebagai pegawai undang-undang Kesultanan Kedah Tua pada tahun 1025 Masihi, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk mengelakkan kejatuhan kerajaan berkenaan?



Ibu bapa mempunyai peranan penting untuk membina pemikiran kritikal ketika berinteraksi dengan anak-anak terutamanya ketika mereka masih kecil. Amalan berkomunikasi secara telus dan berkesan perlu dibudayakan di rumah.

Ibu bapa digalakkan sentiasa menggunakan teknik penyoalan yang kreatif dan kritis serta mendengar jawapan dan pandangan anak-anak di samping memberi respons yang menggalakkan mereka berfikir.

Berikut merupakan antara kaedah untuk menggalakkan anak-anak berfikir secara kritikal:

a. Tulis segala tanggapan

Untuk membaiki dan membantu cara penghujahan, galakkan anak-anak untuk membiasakan diri dalam proses penulisan dengan mencatatkan setiap tanggapan. Sesungguhnya, untuk membentuk anak-anak agar berfikir kritikal, ibu bapa perlu menyedari bahawa proses itu memerlukan suatu jangka masa yang agak lama. Namun demikian, dengan usaha yang berterusan pasti kemenjadian dan kecemerlangan anak-anak itu akan terbukti pada masa hadapan.

c. Mempertimbangkan pelbagai pilihan

Dalam kehidupan kita sehari-hari, realitinya terdapat pelbagai cara dan pilihan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Hal sedemikian ini perlu didedahkan kepada anak-anak supaya mereka memahami bahawa mereka mempunyai pelbagai pilihan dan boleh bertindak sebagai pemikir yang terbuka dalam menyelesaikan sesuatu masalah

b. Bertanya

Mewujudkan sifat ingin tahu dalam kalangan anak dan hindari daripada menegah anak-anak bertanya. Sekiranya anak-anak tidak faham atau kurang jelas tentang jawapan yang diberikan, galakkan mereka untuk menyuarakan rasa tidak faham tersebut. Di samping itu, didik mereka untuk menilai jawapan yang diberikan oleh orang lain.

d. Berbincang mengenai perkara yang tidak adil dan prejudis

Emosi dan pengalaman masa lampau seseorang boleh mempengaruhi pelbagai keputusan. Akibat pengaruh tersebut, keputusan yang diambil dianggap sebagai tidak adil. Oleh yang demikian, asuh dan bimbinglah anak-anak agar mereka mengetepikan emosi ketika membuat sesuatu keputusan agar lebih terjamin keadilannya.

e. Jangan membataskan pemikiran kritikal hanya kepada sudut akademik

Sesuatu yang amat penting untuk anak-anak ialah mampu berfikir kritikal tentang kepelbagaian isu termasuklah yang berkaitan dengan etnik, moral dan polisi awam. Sewajarnya kita menggalakkan anak-anak merangsang pemikiran mereka mengenai hal-hal persekitaran dan isu-isu semasa yang berlaku.

Sila rujuk kepada pautan berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

<http://www.parentingscience.com/teaching-critical-thinking.html>

Abrami PC, Bernard RM, Borokhovski E, Wadem A, Surkes MA, Tamim R, Zhang D. 2008. Instructional interventions affecting critical thinking skills and dispositions: a stage 1 meta-analysis. *Rev. Educ. Res.* 78:1102–1134.

DeHaan RL. 2009. Teaching creativity and inventive problem solving in science. *CBE Life Sci. Educ.* 8: 172-181.

Facione PA and the American Philosophical Association. 1990. *Critical Thinking: A Statement of Expert Consensus for Purposes of Educational Assessment and Instruction*. In: *Research Findings and Recommendations*, Millbrae, CA: Insight Assessment.

Herrnstein RJ, Nickerson RS, Sanchez M and Swets JA. 1986. Teaching thinking skills. *American Psychologist* 41: 1279-1289.

Quitadamo JJ, Faiola CL, Johnson JE and Kurtz MJ. 2008. Community-based inquiry improves critical thinking in general biology. *CBE Life Sci. Educ.* 7: 327-337.

Quitadamo JJ and Kurtz MJ. 2007. Learning to Improve: Using Writing to Increase Critical Thinking Performance in General Education Biology. *CBE Life Sci Educ* 6(2): 140-154.

Zohar A, Weinberger Y and Tamir P. 1994. The effect of the biology critical thinking project on the development of critical thinking. *Journal of Res. Sci. Teaching* 31(2):183-196.

Thomas, A., and Thorne, G. (2009). *How To Increase Higher Order Thinking*. Metairie, LA: Center for Development and Learning. Retrieved Dec. 7, 2009 <http://www.readingrockets.org/article/how-increase-higher-order-thinking>

Pembelajaran Abad Ke -21

Pembelajaran Abad ke-21 merupakan pendekatan baharu supaya anak-anak mempunyai kemahiran baharu bagi mendepani cabaran abad ke-21. Kemahiran dan pemikiran yang kreatif dapat melahirkan anak-anak yang bersifat global dan menyediakan ibu bapa yang sentiasa peka dengan perkembangan pembelajaran anak-anak.

Pembelajaran Abad ke-21 merupakan suatu bentuk pembelajaran yang menekankan konsep berkaitan:



Komunikasi - Komunikasi dua hala yang aktif melalui pembentangan, paparan grafik dan perbincangan ilmiah



Pemikiran Kritis - Penyelesaian masalah dan teknik penyoalan secara kritis



Kolaboratif - Aktiviti pembelajaran secara berkumpulan atau berpasangan



Kreativiti - Unsur kreatif dalam aktiviti pembelajaran

Peranan ibu bapa

Peranan ibu bapa dalam membudayakan Pembelajaran Abad ke-21 dalam pembelajaran anak-anak:



Ibu bapa mempunyai **kesedaran, minat dan pengetahuan** dalam Pembelajaran Abad ke-21



Ibu bapa memberikan **galakan dan sokongan** kepada anak-anak untuk mendalami Pembelajaran Abad ke-21



Ibu bapa membudayakan Pembelajaran Abad ke-21 di rumah

Science, Technology, Engineering dan Mathematics


Science, Technology, Engineering dan Mathematics (STEM) . Istilah STEM digunakan bagi menunjukkan dasar pendidikan dan pilihan kurikulum sekolah bagi meningkatkan daya saing dalam bidang pembangunan teknologi. Pendidikan sepanjang hayat merangkumi pembelajaran bersepadu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik secara formal berdasarkan kurikulum manakala bukan formal pula melalui aktiviti akademik dan kokurikulum serta melalui pembelajaran tidak langsung bermula dari peringkat awal kanak-kanak hingga dewasa.

Kumpulan sasaran STEM

- Pengetua / Guru Besar - Kefahaman dasar
- Guru - Memberikan kemahiran kepada murid
- Ibu Bapa - Memberikan kesedaran

Peranan ibu bapa

Peranan ibu bapa dalam membudayakan STEM dalam pembelajaran anak-anak:



Membantu anak-anak dalam mempelajari bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.



Kesedaran kepada anak-anak bahawa menerusi STEM ini dapat meningkatkan pencapaian akademik dan memberikan peluang kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.



Meningkatkan minat anak-anak untuk menceburi bidang sains dan teknologi.

Matlamat akhir pendidikan STEM ialah melahirkan murid yang berupaya untuk mengenal pasti, mengaplikasi serta mengintegrasikan konsep atau komponen STEM untuk memahami masalah dan menyelesaikannya secara kreatif dan inovatif.



KEMAHIRAN MEMIMPIN

KEMAHIRAN MEMIMPIN

Sistem pendidikan sedia ada dapat membantu setiap murid mencapai potensi masing-masing melalui pelibatan sebagai pemimpin serta bekerja dalam kumpulan. Dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan mempunyai empat unsur:

- a) Kreatif dan Inovatif
- b) Berdaya Tahan
- c) Kecerdasan Emosi
- d) Kemahiran Komunikasi

a) Kreatif dan Inovatif

Pemimpin yang hebat sewajarnya memiliki ciri kreatif dan inovatif dalam dirinya. Hal sedemikian itu disebabkan seseorang itu mampu berusaha untuk merangka dan mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan sumber yang sedia ada dan bekerja keras bagi mencapai kejayaan.

Berikut merupakan cara bagi mengembangkan ciri-ciri kreatif dan inovatif dalam diri anak-anak:

- Membimbing anak-anak untuk menyelesaikan masalah secara berkesan
- Belajar daripada kegagalan
- Membina kemahiran membuat keputusan
- Menggalakkan pengambilan risiko yang mudah
- Mengajar langkah-langkah berkesan dalam menyelesaikan masalah

b) Berdaya Tahan

Daya ketahanan merupakan pengembangan minda yang membina dan mampu mengharungi kegagalan.

Peranan Ibu Bapa

- Memastikan anak-anak berasa selesa di rumah
- Meluangkan masa berbual dengan anak-anak
- Memberikan sokongan kepada anak-anak supaya mereka melakukan sesuatu yang terbaik
- Menyelami dan memahami perasaan atau emosi anak-anak
- Menggalakkan anak-anak supaya terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan
- Membina keyakinan diri anak-anak

c) Kecerdasan Emosi

Seseorang pemimpin mempunyai kebolehan mengurus emosi dan mampu bekerja dengan berkesan walau dalam apa juga keadaan.

Mengurus Emosi - Pengurusan emosi bermaksud memahami perasaan dan tidak bertindak melulu. Oleh itu, anak-anak yang bijak mengurus emosi akan bertindak secara rasional dan matang.

Peranan Ibu Bapa

- Prihatin terhadap emosi anak-anak
- Memahami dan menyelami perasaan anak-anak
- Membimbing anak-anak menyelesaikan masalah secara sendiri

d) Kemahiran Komunikasi

Seseorang pemimpin haruslah mempunyai kebolehan berkomunikasi secara jelas dan berkesan. Oleh itu, ibu bapa perlu membimbing anak-anak berkomunikasi sedemikian supaya mereka lebih berketerampilan dan berwibawa dalam bidang yang diceburi.

Peranan Ibu Bapa



Kerap berbual dengan anak

- Perbualan yang jujur dan mesra akan lebih mengeratkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak.



Bersikap responsif

- Ibu bapa segera memberikan respons dan reaksi yang bersifat membantu terhadap sesuatu usaha anak-anak.



Hargai pendapat anak

- Ibu bapa menghargai pendapat anak-anak dengan memberikan kata-kata pujian.



Kesantunan komunikasi

- Ibu bapa memuji anak atas sikap sopan santun dan berbudi bahasa ketika berkomunikasi dengan pihak lain.



Suri teladan

- Ibu bapa menunjukkan sikap dan perlakuan yang boleh diteladani oleh anak-anak.

Ibu bapa perlu mempunyai adab komunikasi yang baik kerana akan menjadi ikutan kepada anak-anak. Sekiranya ibu bapa mahu anak-anak menjadi pendengar yang baik, ibu bapa perlulah sabar dan tidak mencelah semasa anak sedang berbicara.



KEMAHIRAN DWIBAHASA

KEMAHIRAN DWIBAHASA

Anak-anak akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Di samping itu, anak-anak juga digalakkan mempelajari bahasa-bahasa lain sebagai bahasa tambahan. Penguasaan dwibahasa sewajarnya dilakukan semasa awal pembelajaran anak-anak. Kebolehan menguasai pelbagai bahasa akan membawa kebaikan dalam semua aspek.

Peranan Ibu Bapa



Menyediakan suasana yang selesa di rumah

- Ibu bapa membantu anak-anak mempelajari bahasa dengan lebih cepat apabila mereka didedahkan kepada persekitaran yang selesa di rumah.



Memberikan bimbingan kemahiran

- Ibu bapa boleh menghantar anak-anak menghadiri kelas bahasa oleh mereka yang berkemahiran untuk memantapkan penguasaan bahasa.



Menjadi contoh

- Ibu bapa perlu menjadi contoh dalam penguasaan bahasa lain untuk menggalakkan anak-anak mempelajari bahasa baharu agar dapat meningkatkan keyakinan diri.



Bekerjasama

- Ibu bapa digalakkan untuk bekerjasama dengan komuniti bagi memberikan sokongan kepada anak-anak dalam pembelajaran mereka.



ETIKA DAN KEROHANIAN

ETIKA DAN KEROHANIAN

Sistem pendidikan sedia ada akan memastikan setiap anak-anak berani menghadapi cabaran masa depan, menyelesaikan permasalahan, dan membuat keputusan yang wajar dalam pelbagai situasi berlandaskan etika dan kerohanian. Etika dan kerohanian ini pula bertunjangkan prinsip Rukun Negara.



Kerohanian

Mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup serta mendukung nilai moral yang tinggi.



Integriti

Mempunyai keberanian, disiplin, dan semangat untuk melakukan perkara yang benar.



Tanggungjawab sivik

Cinta akan keamanan negara, mengambil berat terhadap persekitaran dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

Ibu bapa perlu mengambil langkah yang proaktif dengan mengamalkan pegangan agama dan nilai-nilai murni bersama anak-anak supaya menjadi rakyat Malaysia yang beretika dan hidup secara harmoni.



IDENTITI KEBANGSAAN

IDENTITI KEBANGSAAN

Rasa cinta dan taat kepada negara adalah antara perkara yang penting untuk melahirkan warganegara cemerlang yang bersifat patriotisme. Usaha memupuk semangat patriotisme memerlukan kerjasama dan sifat tola ansur, hormat-menghormati, serta bersedia untuk menyesuaikan diri antara satu sama lain dan meletakkan kepentingan negara atas segala-galanya.



Hasil kesepakatan tersebut, tentulah kita semua terutama anak-anak kita akan berasa bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang bangsa, budaya, agama, dan perbezaan ekonomi. Hal sedemikian ini akan mewujudkan identiti kebangsaan yang tersendiri di samping bergerak seiringan membina kekuatan negara.

Menikmati Kepelbagaian

Kita hidup dalam masyarakat pelbagai kaum yang berbeza budaya dan amalan seharian. Oleh itu, guru dan ibu bapa perlulah mendidik anak-anak supaya menghargai perbezaan tersebut di samping bijak berhubung dengan kawan-kawan mereka yang berbeza budaya dan latar belakang. Anak-anak juga perlu diasuh supaya menghormati, belajar menerima dan bertolak ansur supaya mereka dapat menikmati kehidupan mereka seperti yang berikut:

a) Mengenal Pasti Peluang Mendidik

Sikap menghormati dan menghargai perbezaan perlu dipupuk pada awal usia kanak-kanak agar mereka menganggap bahawa perbezaan itu sesuatu yang memberikan kelebihan.

Contohnya, kita boleh mencungkil sikap ingin tahu dalam diri kanak-kanak dengan cara mencuba sesuatu makanan baharu atau belajar beberapa patah perkataan dalam bahasa asing.



b) Mempamerkan Pelibatan Menyeluruh

Ibu bapa perlu menunjukkan pergaulan yang mesra dengan rakan dan jiran berlainan kaum selain melibatkan diri dalam aktiviti dan perayaan mereka supaya amalan tersebut dapat dicontohi oleh anak-anak. Anak-anak yang melihat situasi tersebut akan lebih menghargai dan menerima perbezaan dalam kehidupan seharian mereka.



c) Penyelesaian kepada Cabaran Toleransi Kaum

Dalam usaha kita mempererat perpaduan, kita tidak dapat mengelak daripada dikecam oleh pihak-pihak yang berfikiran sempit terhadap kaum lain. Dalam hal ini, ibu bapa dan guru boleh menerangkan kepada anak-anak bahawa sikap tidak menghormati kaum dan agama lain boleh menjejaskan kerjasama dalam masyarakat. Hubungan antara kaum dan agama yang berlainan jika dibincang secara baik mampu menyelesaikan masalah sosial dalam masyarakat.



d) Berkongsi Cerita Teladan

Ibu bapa boleh bercakap mengenai contoh-contoh nilai perpaduan yang diperoleh daripada cerita-cerita dari dalam buku, televisyen, media massa dan situasi sebenar. Cerita-cerita tersebut secara tidak langsungnya akan menimbulkan kesedaran dalam diri anak-anak tentang nilai baik dan murni dalam perpaduan.



e) Tanggungjawab Sivik

Sebagai warga Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlu mengambil bahagian dalam usaha pembentukan masyarakat dan bangsa negara kita. Sumbangan dalam bentuk idea dan tenaga yang mendatangkan manfaat kepada orang ramai merupakan tanggungjawab sivik yang boleh kita lakukan.





Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dan memerlukan pelibatan rakyat dalam proses pembangunan bangsanya.

Berikut beberapa cadangan yang boleh kita lakukan untuk mendidik anak-anak kita sebagai pembangun bangsa:



a) Melibatkan diri secara sihat dalam perbualan berkaitan kenegaraan di tempat awam. Kita boleh menjadi contoh yang baik kepada anak-anak dalam perbincangan mempertahankan keharmonian agama, penyatuan kaum dan sistem pentadbiran yang bersih.



b) Menggalakkan kehidupan yang mesra alam. Kita perlu mewariskan dunia ini kepada anak-anak kita melalui amalan gaya hidup yang mesra alam dan lestari. Kita boleh mendidik anak-anak menanam pokok-pokok supaya lebih banyak oksigen terhasil dan mengajar mereka cara-cara menjaga alam sekitar.



c) Menjadi sukarelawan dalam khidmat sosial juga merupakan salah satu cara mendidik anak-anak kita bergaul secara positif dengan masyarakat. Kesempatan tersebut juga membuka peluang untuk anak-anak kita menjalin persahabatan dengan orang yang mempunyai minat yang sama melalui aktiviti khidmat sosial, perlindungan haiwan, pemuliharaan alam sekitar dan usaha membasmi kemiskinan. Secara tidak langsung pelibatan ini menjadikan anak-anak kita seorang yang berpandangan luas, lebih memahami dan tidak mementingkan diri.

Umumnya, ibu bapa dan pihak sekolah perlu bertindak secara aktif dalam usaha menjadikan anak-anak kita sebagai rakyat yang beretika dan mampu menempuh cabaran kehidupan.

Kebanggaan terhadap negara dan bangsa

Malaysia merupakan sebuah negara makmur yang mempunyai geografi yang menarik, rakyat hidup bersatu padu, kaya dengan warisan budaya, aman dan makmur. Anak-anak kita perlu dibentuk berfikiran global tetapi mengikut acuan Malaysia dan bersikap patriotik. Berikut merupakan beberapa cadangan untuk memupuk sikap mencintai dan bangga terhadap negara:



a) Mendukung Rukun Negara

Rukun Negara merupakan suatu set prinsip yang menggabungkan semua bangsa di Malaysia. Amat penting bagi kita untuk mendidik anak-anak kita menghargai Rukun Negara dengan memastikan mereka mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

b) Memahami Perlembagaan Persekutuan

Semasa pembentukan negara Malaysia, dokumen yang dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan telah dihasilkan. Perlembagaan Persekutuan mengandungi hak, kebebasan dan kebebasan awam sebagai seorang rakyat Malaysia. Melalui dokumen ini, kita mempelajari bahawa kita mempunyai hak-hak yang sepatutnya kita nikmati sebagai rakyat negara ini.



c) Menghargai Pasukan Keselamatan dan Pasukan Penyelamat

Rakyat Malaysia menikmati kehidupan yang tenteram dan selamat kerana ada pihak-pihak yang berkorban nyawa menjaga keselamatan negara. Kita seharusnya mendidik anak-anak kita supaya menghargai dan menghormati anggota-anggota pasukan keselamatan dan pasukan penyelamat kerana sumbangan mereka menyebabkan kita hidup aman dan damai di negara kita.



d) Menyayangi Malaysia

Ibu bapa wajar menekankan sikap menjaga harta benda awam, menghormati lagu Negaraku dan Jalur Gemilang, menjaga imej serta kedaulatan negara dan menerapkan perasaan *to know Malaysia is to love Malaysia*.





CABARAN IBU BAPA MASA KINI

CABARAN IBU BAPA MASA KINI

Berperanan sebagai ibu bapa pada abad ini bukanlah sesuatu yang mudah berbanding dahulu. Pada era ini, ibu bapa terikat dengan pelbagai peraturan dan undang-undang kekeluargaan. Di samping itu, ibu bapa juga sentiasa berdepan dengan berbagai-bagai pengaruh kurang sihat di luar rumah dan pengaruh negatif disebabkan perubahan sosial dan budaya yang berlaku dengan pesat dalam masyarakat yang bercirikan budaya semasa.

Peranan ibu bapa dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran masa kini:



a) Ibu bapa memainkan peranan sebagai ibu bapa yang bersifat:

- Penyayang
- Prihatin
- Sentiasa mendekati anak-anak
- Memahami keperluan anak-anak



b) Ibu bapa boleh melindungi anak-anak daripada pengaruh negatif dengan mengawasi persekitaran serta mendidik mereka.



c) Ibu bapa perlu memastikan anak merancang masa yang lebih berkesan untuk belajar tanpa gangguan elektronik atau Internet.



d) Ibu bapa sentiasa memastikan anak-anak tidak melayari bahan yang kurang bermanfaat di Internet seperti bahan pornografi.



e) Ibu bapa mempunyai pengetahuan dan kemahiran keibubapaan yang sesuai dengan zaman anak-anak mereka.

Etika Melayari Internet

Perkembangan teknologi yang begitu pesat menyebabkan anak-anak kita terdedah kepada penggunaan peranti dan Internet. Penggunaan peranti pada asasnya sememangnya baik untuk anak-anak kita untuk memperoleh maklumat yang bermanfaat. Namun, ibu bapa perlulah sentiasa mengawasi dan memberikan bimbingan ketika anak-anak menggunakan peranti serta ketika melayari Internet.

Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mengawasi anak-anak mereka ketika mereka menggunakan alatan teknologi. Antara peranan ibu bapa termasuklah:



memantau secara rapi semasa anak-anak menggunakan peranti dan Internet.



memberikan peluang dan masa yang sesuai untuk anak-anak menggunakan peranti dan Internet.



meluangkan masa bersama anak-anak dengan menjalankan aktiviti keluarga seperti aktiviti sukan supaya anak kita mempunyai gaya hidup yang sihat dan seimbang.



mengawal penggunaan semua peranti pengkomputeran di dalam rumah oleh ibu bapa dan elakkan penggunaan peranti semasa waktu bersama keluarga.



mempamerkan contoh tingkah laku yang baik apabila berkomunikasi dalam talian.



menetapkan peraturan yang sesuai untuk penggunaan Internet di rumah seperti perlukan keizinan ibu bapa sebelum menggunakan peranti pengkomputeran, menghadkan masa dan menggunakan laman web yang betul dan sesuai.



Penyalahgunaan Dadah

Penyalahgunaan dadah merujuk penggunaan sejenis bahan secara berlebihan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku apabila digunakan.

Tindakan pihak sekolah atas murid-murid yang terlibat menggunakan dadah hendaklah bersesuaian dengan peruntukan dalam Akta Pendidikan 1996, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Dadah boleh dibahagikan kepada tujuh kategori:

1. Stimulan (*Kokain, Methamphetamine, Ecstasy, Kafein*, dan lain-lain)
2. Depresi (Ubat-ubat penenang seperti *Rohypnol, Barbituates, Xanax, Valium, Benziodiazepines*, dan lain-lain)
3. Halusinogen (*LSD, Psilocybin, Salvia, Peyote*, dan lain-lain)
4. Disosiatif (*Ketamin, Dextromethorphan, Phencyclidine*, dan lain-lain)
5. Opioid (*Heroin, Morfin, Hydrocodone, Candu, Vicodin, Oxycontin*, dan lain-lain)
6. Inhalan (cat, pelarut cat, *gasoline*, gam, dan lain-lain)
7. Ganja (*Marijuana, Hashish*, dan lain-lain)

Tanda-tanda awal kemungkinan anak-anak terjebak dalam gejala dadah:

- Perubahan amalan seharian anak-anak seperti sukar tidur pada waktu malam, pakaian berbau rokok dan terdapat alatan atau barangan ganjil yang sering disembunyikan.
- Perubahan sikap seperti sering ponteng sekolah, tidak membuat kerja sekolah dan tidak suka ke sekolah.
- Perubahan fizikal anak-anak menyebabkan berat badan menurun secara mendadak, mata merah dan sering meminta wang daripada ibu bapa.

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan anak-anak mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran untuk menghindari bahaya dadah, rokok, inhalan dan alkohol serta barang terlarang yang boleh merosakkan intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa ialah:

- a) Mengawasi anak-anak agar tidak bergaul dengan rakan-rakan yang tidak bermoral dan mengambil tahu di mana anak-anak berada pada setiap masa.
- b) Ibu bapa perlu sentiasa berbual mesra dengan anak-anak dan berpesan agar mereka tidak terjebak dalam gejala dadah.
- c) Ibu bapa perlu meluangkan masa menjalankan aktiviti keluarga dan beriadah dengan anak-anak terutama pada hujung minggu.
- d) Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam diri anak-anak.

Sekiranya ibu bapa mengetahui anak-anak mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah, ibu bapa digalakkan merujuk kepada pihak sekolah dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang terdekat untuk mendapatkan bantuan dan nasihat .



Kesihatan Mental


Kesihatan mental anak-anak sama pentingnya dengan kesihatan fizikal. Kesihatan mental yang baik membolehkan anak-anak berfikir dengan sempurna, menjalani perkembangan sosial yang baik dan mempelajari kemahiran yang baharu dan memudahkan mereka untuk mencapai cita-cita mereka.

Sakit Mental dalam Kalangan Pelajar

Sakit mental kini tidak terhad kepada golongan dewasa sahaja. Anak-anak kita di alam persekolahan juga mungkin turut terlibat sama. Berikut adalah antara bentuk sakit mental yang biasa ditemui dalam kalangan pelajar:

a) Kebimbangan

Kebimbangan ialah gangguan kesihatan mental yang sering dialami oleh pelajar. Pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi sentiasa cemas kesan daripada tekanan untuk mencapai prestasi baik di sekolah serta tekanan hasil daripada masalah keluarga. Hal ini mendorong pelajar untuk menyalahgunakan bahan seperti rokok, arak, ubat penenang dan dadah.



b. Kemurungan

Kemurungan ialah emosi yang berkaitan dengan perasaan yang tidak gembira, dukacita atau mudah marah. Kemurungan boleh muncul dalam pelbagai bentuk. Ibu bapa seharusnya lebih peka apabila mendapati anak mereka sering sakit tanpa sebab, prestasi akademik yang semakin menurun, dan perubahan tingkah laku seperti mengasingkan diri, tidak tidur dan sering berhalusinasi.

c. PTSD (*Post-Traumatic Stress Disorder*)

PTSD agak sukar untuk dikenal pasti terutamanya ketika di dalam kelas. PTSD berlaku apabila pelajar melalui pengalaman yang ngeri yang menyebabkan trauma PTSD menyebabkan seseorang itu berubah tingkah laku pada bila-bila masa malah sering berkelakuan lebih dewasa daripada umur sebenar mereka. Perasaan trauma itu akan berterusan dan menghantui fikiran mereka sepanjang hayat.



Tanda-tanda Awal Sakit Mental

- Menghadapi masalah di sekolah seperti tidak mahu hadir ke sekolah, lewat dan kerap tidak hadir, mengganggu kelas atau tidak memberikan perhatian semasa pembelajaran.
- Mudah marah dan bertindak agak agresif apabila diganggu.
- Suka menyendiri dan tidak suka bercampur gaul dengan orang lain.
- Gejala psikologi seperti kegelisahan, kebimbangan yang berlebihan, kesedihan atau tidak mahu keluar dari bilik.
- Sejarah keluarga yang mempunyai sakit mental.
- Tiada kawan untuk bersosial di sekolah.

Cara-cara untuk Membentuk Keyakinan Diri Anak-anak

- Ibu bapa sering memberikan galakan dan pujian terhadap anak-anak
- Ibu bapa membantu anak-anak untuk menetapkan matlamat yang bersesuaian dengan keadaan anak-anak ketika ini
- Ibu bapa menggalakkan anak supaya sentiasa bersikap jujur
- Ibu bapa hendaklah mengelakkan penggunaan kata-kata sindiran
- Ibu bapa hendaklah cuba untuk tidak membandingkan kemampuan anak-anak dengan orang lain

Masalah Emosi dan Tingkah Laku Kanak-kanak dan Remaja

Masalah Emosi:

- Kemurungan dan tingkah laku cubaan bunuh diri
- Keresahan dan masalah berkaitan tekanan
- Gangguan tingkah laku dan ragam
- Kecelaruan

Masalah Khas:

- Kehamilan
- Buli

Peranan ibu bapa

Dengar dan cuba untuk memahami:	Dengar semua masalah anak kita dan jangan terus menghukum mereka.
Tunjukkan kasih sayang:	Cubalah beritahu dan tunjukkan kepada mereka betapa kita mengambil berat tentang diri mereka.
Kenal pasti keadaan:	Kenal pasti watak dan kemampuan anak kita malah fahamilah keadaan serta cara-cara untuk membantu anak-anak kita.
Menggalakkan interaksi sosial dengan rakan dan keluarga:	Kita harus menggalakkan anak-anak untuk keluar bergaul dengan rakan-rakan sebaya.
Menyediakan persekitaran yang tenang:	Persekitaran yang penuh kasih sayang dapat membantu mewujudkan suasana harmoni terutamanya di rumah.
Melakukan aktiviti bersama-sama:	Luangkan masa berkualiti bersama-sama keluarga.



Buli

Buli ialah perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang atau kumpulan murid (mangsa) yang biasanya lemah serta membawa kesan negatif terhadap pembuli, mangsa buli dan warga sekolah. Mangsa buli akan menjadi pendiam, pemalu dan rendah diri, takut, suka bersendirian dan kurang sokongan sosial di sekolah.

Mereka cenderung merahsiakan perkara ini daripada pengetahuan ibu bapa, guru dan rakan-rakan kerana malu dan khuatir akan menerima tindak balas yang lebih agresif daripada pembuli. Pembuli berkemungkinan terlibat dengan salah laku yang lebih serius pada masa hadapan termasuklah melakukan jenayah seperti mencederakan orang lain yang akhirnya boleh menyebabkan kematian.

Bentuk-bentuk Buli

Buli boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk. Walaupun berbeza bentuk, kesan buli amatlah serius walau kepada sesiapa pun.

Fizikal	Melibatkan sentuhan kepada anggota tubuh badan seseorang yang boleh mendatangkan kecederaan/kesakitan.
Lisan/Tulisan	Melibatkan komunikasi secara bertulis atau lisan yang bertujuan untuk mengaibkan seseorang.
Isyarat	Menggunakan mimik muka dan isyarat anggota badan untuk menakutkan atau menggertak seseorang.
Peras Ugut	Menggunakan kekerasan seperti gertakan untuk mendapatkan sesuatu daripada mangsa secara paksa.
Memulau	Perbuatan menyisihkan seseorang untuk menimbulkan perasaan bahawa mangsa tidak diperlukan.
Buli Siber	Penghinaan yang melibatkan penggunaan media sosial dalam Internet untuk menjatuhkan imej dan maruah seseorang.

Tanda-tanda Seseorang Menjadi Mangsa Buli

Berikut beberapa tanda untuk mengenal pasti bahawa seseorang itu telah menjadi mangsa buli:

Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kesan-kesan kecederaan seperti luka dan lebam pada badan. Mangsa juga mungkin menghadapi kesukaran menerangkan kerosakan terhadap barangan milik mereka seperti pakaian dan beg.
Emosi	<ul style="list-style-type: none"> • Mangsa buli kerap kali menunjukkan perasaan sedih, murung, risau atau resah. Perubahan emosi ini selalunya berlaku secara tiba-tiba. Tanda-tanda lain termasuklah perubahan tabiat pemakanan sehari-harian serta kehilangan minat terhadap aktiviti yang diminati sebelum kejadian buli.
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Mangsa buli cenderung memencilkan diri serta bersikap pendiam dalam pergaulan bersama-sama rakan sebaya.
Prestasi di sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Mangsa buli gagal memberikan tumpuan serta perhatian terhadap pelajaran dan menyebabkan pelajaran mereka merosot. Mangsa juga enggan hadir ke sekolah.

Ibu bapa boleh mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan anak-anak tidak menjadi mangsa buli:

a. Prihatin terhadap aktiviti anak-anak

Memastikan anak-anak pulang tepat pada masanya selepas tamat waktu persekolahan atau aktiviti-aktiviti sekolah. Ibu bapa digalakkan mendapatkan maklumat aktiviti harian anak-anak serta rakan-rakannya termasuklah memantau aktiviti siber anak-anak.

b. Mempamerkan akhlak terpuji

Ibu bapa boleh memberikan contoh bahawa seseorang yang berjaya dalam hidup tidak perlu menindas orang lain untuk berjaya. Sebagai suri teladan, ibu bapa memperlihatkan sikap saling menghormati sebagai antara punca untuk berjaya dalam hidup.

c. Luangkan masa serta membina keyakinan diri anak-anak

Luangkan masa yang banyak untuk anak-anak serta sentiasa memberikan semangat, perangsang, dan pujian kepada anak-anak atas setiap apa yang dilakukan.

Anak-anak banyak meluangkan masa bersama rakan-rakan sebayanya. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu mencari ruang dan peluang untuk bersama-sama anak mereka dalam membimbing pelajaran, menjalankan aktiviti sukan dan sebagainya. Dengan berbuat demikian, ibu bapa boleh membantu anak-anak daripada menjadi mangsa buli apatah lagi menjadi pembuli.

**“KESEJAHTERAAN MASA DEPAN ANAK-ANAK
ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA”**